

Newspaper	Berita Harian
Date	20 September 2015

Najib ziarah Mursyidul Am PAS

BH
-20/9/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam menziarahi Mursyidul Am PAS, Datuk Dr Hardn Din yang sedang menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) di sini.

Menerusi laman sosial peribadi termasuk Facebook dan Twitter, Perdana Menteri mengajak semua pihak mendoakan kesihatan Haron.

Doa cepat sembuh

"Sama-sama kita doakan supaya beliau cepat sembuh dan dikurniakan kesihatan yang baik," katanya.

Pada 10 Ogos lalu, Haron menjalani angiogram di IJN dan kea-

daan kesihatan beliau dilaporkan semakin baik.

Perdana Menteri pernah menziarahi Haron di IJN, April tahun lalu dan meluangkan masa kira-kira setengah jam.

“
**Sama-sama kita
doakan supaya beliau
cepat sembuh dan
dikurniakan kesihatan
yang baik”**

**Najib Razak,
Perdana Menteri**



Najib meluangkan masa melawat Haron di Institut Jantung Negara, semalam.